

Analisis Semantik Inkuisitif dalam Perbualan Implisit Karya Filem Klasik P. Ramlee

Inquisitive Semantic Analysis of the Implicit Conversation of P. Ramlee's Classic Film Work

Nur Ezatull Fadtehah Hedel^{1*}, Mary Fatimah Subet²

^{1 & 2} Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300 Kota Samarahan

¹ nurezatullfadtehah@gmail.com

² sufatimah@unimas.my

*Corresponding author

Article history:

Received: 20 July 2022

Accepted: 22 November 2022

Published: 29 December 2022

Abstrak

P. Ramlee banyak menggunakan unsur tersirat dalam filem klasik arahan dan lakonannya menyebabkan pelbagai tafsiran yang wujud untuk merungkai makna tersirat yang cuba disampaikan dalam filem tersebut. Oleh itu, pendekatan semantik inkuisitif yang menekankan pentafsiran makna telah digunakan untuk merungkai makna sebenar yang disampaikan dalam filem tersebut. Berdasarkan isu tersebut, objektif kajian ini ialah mengenal pasti ujaran berimplisit dan menganalisis pemikiran, keintelektualan serta pengaruh budaya masyarakat Melayu dalam filem P. Ramlee. Kajian kualitatif dan reka bentuk deskriptif dan analisis kandungan ini telah menggunakan skrip filem-filem P. Ramlee sebagai instrumen kajian. Manakala, data dikumpul berdasarkan data primer dan sekunder seterusnya dianalisis dengan menggunakan tiga tahap iaitu semantik skrip, resonans dan inkuisitif bagi mendapatkan jawapan dihajati sehingga ke akal budi penutur. Teori yang mendasari pencarian mana ialah teori relevans daripada Sperber dan Wilson (1986,1995) dan menerapkan falsafah, akal budi serta ilmu daripada pelbagai bidang bagi mendapatkan jawapan dihajati bagi penggunaan leksikal tertentu dalam filem P. Ramlee yang dikaji. Hasil kajian mendapati, terdapat unsur pemikiran, akal budi serta pengaruh budaya masyarakat Melayu dalam ujaran berimplisit dan penggunaan leksikal tertentu juga mempunyai makna tersendiri yang perlu diperhalusi dengan lebih mendalam dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.

Kata kunci: semantik inkuisitif, filem, P. Ramlee, teori relevans, implisit

Abstract

P. Ramlee uses a lot of implicit elements in the classic films directed by him and his acting causes various interpretations that exist to unravel the implicit meaning that is trying to be conveyed in the films. Therefore, an inquisitive semantics approach that emphasizes the interpretation of meaning has been used to unravel the true meaning conveyed in the film. Based on the issue, the objective of this study is to identify the implicit speech and analyse the thought, intellectuality and cultural influence of the Malay community in P. Ramlee's film. This qualitative study and descriptive design and content analysis have used P. Ramlee's film scripts as research instruments. Meanwhile, data is collected based on primary and secondary data and then analysed using three levels, namely script semantics, resonance and inquisitiveness to get the desired answer up to the speaker's common sense. The theory that underlies the search is the relevance theory from Sperber and Wilson (1986,1995) and applies philosophy, common sense and knowledge from various fields to get the desired answer for certain lexical usage in the P. Ramlee film that was studied. The results of the study found that there are elements of thought, common sense and the cultural influence of the Malay community in implicit speech and certain lexical usage also has its own meaning that needs to be refined more deeply by using an inquisitive semantic approach.

Keywords: inquisitive semantic, film, P. Ramlee, Relevance Theory, Implicits

Pengenalan

P. Ramlee merupakan seniman agung yang sangat penting dalam perkembangan filem Melayu. Hal ini demikian kerana P. Ramlee merupakan seorang pelakon, pelawak, penyanyi, pengarah filem serta penulis dan penggubah lagu yang cukup popular. Perkara ini terbukti apabila karya-karya beliau telah meninggalkan impak yang sangat besar dalam pembinaan identiti dan budaya Malaysia. Oleh itu, karya-karya P. Ramlee sewajarnya diterokai dengan lebih terperinci supaya mesej dan gaya pemikirannya dapat dikupas secara ilmiah dan objektif. Pada dasarnya, watak dan dialog daripada filem-filem P. Ramlee banyak dirujuk dan dipetik terutamanya penggunaan bahasa kiasan untuk menggambarkan situasi yang berlaku dalam masyarakat. P. Ramlee untuk menegur masyarakat, bangsa dan kepimpinan ketika itu sehinggalah dialog tersebut masih lagi relevans sehingga kini. Contohnya, “memang betul dia cakap, engkau tu mana ada bahasa, panggil orang hoi, hoi, hoi. Bahasa menunjukkan bangsa tau!”. Oleh itu, filem-filem P. Ramlee ini perlu dipelihara kerana merupakan khazanah berharga milik negara yang sangat berharga. Maka, semakin banyak kajian makna dijalankan terhadap karya-karya P. Ramlee yang bersifat klasik semakin mudah generasi seterusnya memahami mesej yang diketengahkan dan secara tidak langsung mengangkat khazanah warisan agung negara kita.

Permasalahan kajian

Menurut Fatin Rabiha & Zaitul Azma (2017) menyatakan bahawa filem Melayu Klasik yang kaya dengan penggunaan makna implisit. Maka, makna implisit yang cuba disampaikan tidak dapat ditelusuri secara harfiah kerana makna permukaan sahaja tidak memadai untuk memberikan penjelasan kepada orang ramai berkenaan mesej disebalik penggunaan unsur tersirat tersebut. Unsur tersirat yang digunakan oleh masyarakat Melayu suatu ketika dahulu bertujuan menjaga perasaan supaya tiada ada yang berkecil hati di samping mencerminkan sikap orang Melayu yang sangat mementingkan tutur kata yang sopan apabila bertutur. Justeru, kajian kali ini menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk mengkaji filem klasik P. Ramlee. Pendekatan semantik inkuisitif (SI) daripada bidang Pragmatik yang menekankan pentafsiran makna dengan analisis secara berperingkat untuk mendapatkan makna sebenar yang dihajati.

Objektif kajian

Objektif kajian ini seperti berikut;

- i) Mengenal pasti dialog berimplisit dalam karya filem P. Ramlee.
- ii) Menganalisis pemikiran, keintelektualan serta pengaruh budaya masyarakat Melayu dalam filem P. Ramlee yang dikaji.

Kerangka teori

Teori relevans (TR) merupakan salah satu teori yang diperkenalkan oleh Speber dan Wilson pada tahun 1986 dan ditambah baik pada tahun 1995. TR menjelaskan bagaimana bahasa digunakan dalam persekitaran penggunaannya. Maka, kajian pragmatik ini melihat kepada konteks situasi. Di samping itu, TR juga menekankan prinsip ujaran bersifat jelas dan nyata (bermanifestasi) berpandukan tiga elemen penting iaitu konteks, kesan kognitif dan kos proses untuk memperlihat tahap kerelevanan sesuatu ujaran tersebut (Nor Hashimah Jalaluddin, 2003).

i) Konteks

TR merupakan seberkas andaian berkenaan dunia yang tercipta secara psikologi oleh pendengar. Secara amnya, konteks tidak terbatas kepada informasi daripada persekitaran malah ujaran yang baru dituturkan dan masih segar dalam ingatan, hipotesis saintifik, kenangan, andaian budaya, kepercayaan yang dimiliki penutur. Maka, dapat disimpulkan bahawa konteks dapat diterangkan melalui tiga kaedah iaitu merujuk ujaran terdahulu, persekitaran serta catatan ensiklopedia yang tersimpan dalam memori dan boleh dirujuk kembali apabila diujarkan.

ii) Kesan kognitif

Menurut Sperber dan Wilson (1986,1995), kesan kognitif adalah andaian awal yang dimiliki pendengar berkenaan maklumat yang relevan dengan diri pendengar. Kesemua andaian tersebut tersimpan sebagai catatan ensiklopedia. Hal ini berlaku ketika pendengar mendapat maklumat konteks menerusi perbualan seterusnya pendengar menggabungkan, memperkuat atau menggugurkan konteks yang dikemukakan bagi mendapatkan kesan kognitif yang tinggi.

iii) Kos proses

Kos proses merupakan usaha diperlukan untuk memproses maklumat oleh pendengar dan dikatakan sangat penting bagi memastikan ujaran yang dituturkan mudah difahami oleh pendengar. Tuntasnya, usaha memproses yang rendah memiliki kerelevanan ujaran yang tinggi.

Kepentingan kajian

Kajian ini memberikan serba sedikit pengetahuan bahawa pemberian makna tidak terhad kepada kajian tahap skrip dan resonans sahaja. Semantik inkuisitif merupakan kajian merentas pelbagai disiplin ilmu untuk sampai kepada makna dihajati. Ini secara tidak langsung membantu pengkaji dan orang awam untuk mengetahui serba sedikit informasi berkenaan ilmu sesuatu bidang tersebut walaupun bukan daripada bidang berkenaan. Kajian semantik inkuisitif dalam karya filem P. Ramlee juga mampu menjadi pencetus kepada pengkaji lain dan akan datang untuk lebih banyak mengkaji karya P. Ramlee. Sebagai contoh, mengkaji filem atau lagu P. Ramlee yang merupakan satu medium menyampaikan mesej kepada masyarakat.

Sorotan kajian

Kajian implikatur dalam dialog filem Melayu klasik

Berdasarkan kajian terdahulu, terdapat penyelidikan terhadap filem Melayu klasik seperti kajian Fatin Rabiha Abdul Kadir (2017) dan Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy (2018). Kedua-dua kajian mengkaji dialog berimplisit dalam filem Melayu klasik iaitu Filem Sri Mersing dan Filem Puteri Gunung Ledang. Objektif kajian bagi filem Sri Mersing ialah mengenal pasti ujaran berimplisit dalam filem tersebut dan menganalisis ujaran menggunakan teori relevans daripada Sperber dan Wilson (1986,1995) bagi memperlihatkan kerelevanan sesuatu ujaran tersebut. Kajian filem Puteri Gunung Ledang (PGL) pula bertujuan mengkaji dialog berimplisit dalam filem PGL, seterusnya membuat pengkategorian berdasarkan penyampaian mesej secara tidak langsung oleh Asmah Haji Omar (1992) dan Abdullah Hassan (1993). Berdasarkan hasil kajian mendapati kedua-dua filem yang dikaji tersebut mempunyai ungkapan berimplisit. Ujaran berimplisit dalam filem Sri Mersing telah memenuhi ketiga-tiga elemen yang terkandung dalam teori relevans manakala filem Puteri Gunung Ledang pula menonjolkan implikatur kiasan (bahasa kiasan, pantun,

beating about the bush (buat cerita lain) dan *surrogate* (pengganti) dan bukan kiasan seperti “mengharap cinta yang menggunung” dan sebagainya.

Filem P. Ramlee sebagai instrumen kajian

Selanjutnya terdapat banyak pengkaji lepas mengkaji filem-filem P. Ramlee sebagai instrumen kajian namun menggunakan pendekatan yang berbeza. Contohnya, kajian Selvarani P. Kovil Pillai (2017) yang telah menggunakan filem *Gerimis* dan mengaplikasikan teori akulturasi dan dekulturasi daripada Kim (2008), kajian Nursan Alias dan Nurul Syuhada (2021) yang menggunakan filem *Seniman Bujang Lapok* dengan mengaplikasikan teori Ubah Alfa, kajian Sharipah Zainal Sagkif Shek dan Anuar Md Dawam (2020) yang menggunakan filem *Sumpah Orang Minyak* untuk menganalisis tarian Tudung Periuk dan banyak lagi.

Kajian semantik sebagai tatacara menganalisis data

Semantik inkuisitif merupakan pendekatan yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) yang mempunyai tiga tahap analisis iaitu semantik skrip, resonans dan inkuisitif. Terdapat kajian lepas yang menerapkan semantik inkuisitif dalam tatacara menganalisis data dalam peribahasa, simpulan bahasa, bahan seni pengajaran, sajak, cerita rakyat dan lagu. Contohnya kajian Russel Dundang dan Mary Fatimah Subet (2018), Muhammad Zaid Daud (2018), Siti Elmira Jonteng et al. (2021), Suriati Zakaria dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015), Wong Shia Ho (2020), Tangaprabu Murty dan Mary Fatimah Subet (2018; 2019; 2020) dan banyak lagi. Salah satu kajian menggunakan Si adalah Genre Perbualan Aneh dalam Hikayat Nakhoda Muda: Analisis semantik inkuisitif oleh Nur Ezatull Fadtehah Hedel dan Mary Fatimah Subet (2021). Objektif kajian tersebut adalah mengenal pasti genre perbualan yang memaparkan tingkah laku aneh yang menyalahi norma-norma kehidupan dan menganalisis genre perbualan aneh tersebut menggunakan semantik inkuisitif. Hasil kajian mendapati bahawa setiap leksikal yang digunakan mempunyai peranan dan asbab yang tersendiri untuk digunakan dan perlu diperhalusi dengan lebih mendalam hingga ke akal budi penuturnya. Tuntasnya, kajian-kajian seperti ini mampu dibanggakan kerana mampu menjadi bahan rujukan kepada para pengkaji.

Metodologi

Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk deskriptif dan analisis kandungan. Kaedah pemilihan filem-filem P. Ramlee secara rawak mudah iaitu berdasarkan 16 buah filem P. ramlee yang paling popular hasil carian Google, hanya 10 filem yang mendapat tontonan paling tinggi diaplikasi YouTube telah dipilih. Namun, kertas kerja ini hanya memaparkan data-data daripada 5 filem sahaja kerana menurut Liamputtong (2014), saiz sampel yang kecil iaitu antara satu sehingga lima sahaja telah memadai sekiranya memenuhi kriteria persampelan. Namun, untuk penulisan artikel ini, dua data daripada filem *Nasib Do Re Mi* diestrak untuk mewakili keseluruhan kajian. Hal ini demikian kerana pengkaji membataskan dua data perbualan berimplisit daripada setiap filem yang dipilih untuk dianalisis dengan lebih mendalam. Hal ini demikian kerana Syed Arabi Idid (1992) mengatakan bahawa pemilihan sampel yang terlalu banyak tidak menjamin ketepatan dapatan yang diinginkan dan memadai beberapa sampel sahaja kerana hasil dapatan yang diperoleh adalah sama. Di samping itu, pengkaji hanya membataskan dua saluran YouTube iaitu “Black Parade Channel” dan “nostalgiaWarna” untuk melihat jumlah tontonan sehingga 28/12/21 kerana terlalu banyak video P. Ramlee yang dimuat naik diaplikasi YouTube. Antara filem yang terlibat ialah “*Nasib Do Re Mi (1966)*”, “*Tiga Abdul (1964)*”, “*Pendekar Bujang Lapok (1959)*”, “*Seniman Bujang Lapok (1961)*” dan “*Ali Baba Bujang Lapok (1961)*”.

Bagi objektif pertama, pengkaji menonton filem P. Ramlee terlebih dahulu kemudian membaca kembali dan menanda transkripsi dialog yang berimplisit. Di samping itu, pengkaji turut mendapat data dengan mengakses laman sesawang bagi mendapatkan maklumat tambahan untuk menguatkan data kajian. Seterusnya untuk objektif kedua, ujaran berimplisit dianalisis berdasarkan tiga tahap. Pada tahap pertama, data dianalisis dengan menggunakan semantik skrip iaitu hanya memberikan maksud secara harfiah sahaja. Selanjutnya, beralih kepada analisis tahap kedua iaitu semantik resonans di mana pengkaji mengaitkan data dengan teori relevans (TR) yang merupakan salah satu wadah untuk mencapai kepada semantik inkuisitif. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2007), TR penting bagi pendengar menganalisis mesej daripada penutur iaitu dengan menekankan prinsip ujaran bersifat jelas dan nyata. Dalam TR kerelevanan ujaran bergantung kepada konteks, kesan kognitif dan kos proses dalam menginterpretasi ujaran berimplisit berkenaan. Pada tahap ini juga, aplikasi Rangka Rujuk Silang (RRS) dan gambaran kognitif berdasarkan TR berkenaan. Akhir sekali, data diproses dengan menggunakan semantik inkuisitif iaitu mentafsir data sehingga mencungkil ke akal budi penutur atau lebih menerokai ke falsafah serta mencungkil kenapa leksikal tersebut dipilih dan seterusnya mengaitkan dengan pelbagai disiplin ilmu dan budaya tertentu untuk mendapatkan jawapan yang lebih konkrit dan dihajati.

Analisis dan perbincangan

Daripada senarai dialog, untuk analisis dan perbincangan lanjut kajian ini, maka, pengkaji membincangkan dua data daripada sebuah filem P. Ramlee yang berjudul Nasib Do Re Mi (1966) seperti berikut;

Jadual 1: Data 1 bagi perbualan/ dialog berimplisit filem Nasib Do Re Mi.

Tajuk filem	Perbualan berimplisit
Nasib Do Re Mi	<p>Doktor: Sekarang awak dah sihat, jadi awak boleh keluar.</p> <p>Do: Keluar.tuan doktor, sebenarnya kita tak mahu keluar tuan doktor. Kita nak tinggal di sini sampai mati.</p> <p>Doktor: Sampai mati? Sebab?</p> <p>Re: Errr....sebab di sini makanpun ada, tempat tidur ada orang kemas, tuan doktorpun baik.</p> <p>Do/Re/Mi: He...he...he...he...</p> <p>Mi: Nurse sinipun cantik-cantik, muda-muda, baik dijaga kami. Jadi kami tiga orang ni dah lama <i>janda</i>. Bagilah can kami <i>berbini</i>, tuan doktor.</p> <p>Do/Re/Mi: He...he...he...</p> <p>Doktor: Tapi kamu mesti tahu di rumah sakit ni hanya untuk orang sakit.</p> <p>Do/Re/Mi: Orang-orang yang sakit doktor ya?</p> <p>Do:Orang tak sakit tak boleh, tuan doktor?</p> <p>Doktor: Tak sakit...tak boleh...</p> <p>Re: Tak boleh? Alah...alah...adoi...</p> <p>Do: Aduh-aduhhh</p> <p>Mi: Mak...aduhhhh</p> <p>Do: Sakit datang Tuan Doktor. Tak tahan.</p>

Peringkat semantik skrip

Secara harfiahnya, dialog di atas menerangkan perbualan antara doktor dan pesakit lain iaitu Do, Re dan Mi. Doktor telah memberi kebenaran kepada mereka bertiga untuk pulang ke rumah kerana sudah sihat. Namun,

ketiga-tiga mereka menolak dan berhasrat untuk tinggal di hospital untuk selama-lamanya kerana perkhidmatan yang disediakan cukup memuaskan seperti layanan yang diberikan oleh pihak hospital. Mi juga mengatakan bahawa mereka bertiga berhasrat mencari calon isteri kerana telah lama menjanda, namun doktor menjelaskan bahawa hospital hanyalah tempat untuk orang yang sakit. Maka, dapat disimpulkan bahawa Do, Re dan Mi telah lama menduda disebalik perkataan “janda” dan terdapat makna tersirat yang hendak disampaikan dalam filem ini. Makna ini sedia diketahui. Namun, makna ini tidak cukup untuk menyampaikan makna sebenar yang dihajati. Oleh itu, makna skrip ini perlu dikupas dengan lanjut dengan aplikasi semantik resonans dan inkuisitif.

Peringkat semantik resonans

Pada tahap ini, gabungan data, teori dan keupayaan kognitif antara penutur-pendengar diperlukan bagi merungkai makna di sebalik penggunaan sesuatu leksikal dalam penciptaan dialog filem. Gambaran kognitif diperlukan bagi meneliti leksikal konkrit dengan mengambil kira gambaran yang nyata, bentuk logik (makna linguistik) dan mengaitkannya dengan perbualan berimplisit seperti berikut;

Jadual 2: gambaran kognitif bagi leksikal [JANDA]

JANDA

Sumber: https://bengkuluexpress.rakyatbengkulu.com/ribuan-pasang-urus-perceraian/
Definisi: Orang perempuan yang pernah berkahwin tetapi tidak bersuami lagi kerana bercerai atau kematian.
Perbualan/dialog berimplisit

Teori yang mendasari pencarian makna pada peringkat ini merupakan teori relevans (TR) daripada Sperber dan Wilson (1986,1995) yang mempunyai tiga elemen iaitu konteks, kesan kognitif dan kos proses bagi memperlihatkan kerelevanan sesuatu ujaran. Semakin rendah usaha memproses, semakin tinggi kerelevanan sesuatu ujaran tersebut cengan mengemukakan beberapa andaian untuk sampai kepada maksud dihajati.

Ujaran “...jadi kami tiga orang ni dah lama janda. Bagilah chance kami berbini tuan doktor” merupakan ujaran yang kabur kerana unsur janda digunakan merujuk kepada tiga orang lelaki. Janda menurut Kamus Dewan Bahasa (2016), merupakan perempuan yang pernah berkahwin tetapi tidak bersuami lagi kerana bercerai atau kematian. Manakala, duda pula merujuk kepada gelaran lelaki yang pernah berkahwin tetapi tidak beristeri lagi kerana bercerai atau kematian. Berdasarkan teori relevans, konteks merujuk kepada seberkas andaian untuk sampai kepada makna dihajati. Konteks yang terdapat dalam data ialah mereka bertiga ingin hidup senang dengan cara yang mudah. Para lelaki tersebut berhasrat mencari calon isteri daripada kalangan jururawat yang pernah merawat mereka kerana merasakan apabila berkahwin dengan wanita bekerjaya lebih menjamin kesejahteraan hidup. Perkara tersebut diperoleh daripada pengetahuan yang sedia ada dalam diri penutur-pendengar. Dalam aspek kesan kognitif, terdapat tiga cara proses berlaku ketika perbualan berlangsung iaitu penggabungan, penguatan dan pengguguran (Nor Hashimah Jalaluddin, 2007). Berdasarkan dialog tersebut, kesan kognitif penguatan berlaku menerusi ujaran “sebab di sini makananpun ada, tempat tidurnya ada orang kemas, tuan doktor pun baik” dan digabungkan dengan ujaran Universiti Teknologi MARA, Vol. 6, No. 4, 2022

“nurse sinipun cantik-cantik, muda-muda, baik dijaga kami”. Maka, usaha memproses maklumat adalah rendah menyebabkan korelevanan ujaran adalah tinggi. Namun, makna pada tahap ini masih juga belum memadai dan memerlukan satu lagi tahap analisis iaitu semantik inkuisitif bagi mendapatkan makna dihajati.

Peringkat semantik inkuisitif

Pada tahap ini, timbul persoalan kenapa masyarakat zaman dahulu menggunakan leksikal janda untuk melambangkan ingin hidup senang dengan cara yang mudah. Kenapa tidak menggunakan leksikal orang tua, kanak-kanak dan sebagainya?

Kajian ini melihat kepada leksikal janda. Masyarakat Melayu sejak dahulu lagi sering dikaburi dengan stigma negatif terhadap individu yang telah bercerai dan melihat agak berat sebelah kepada seseorang yang bergelar janda. Secara umumnya, masyarakat lebih kerap mengupas perihal ibu tunggal berbanding bapa tunggal (Choi & Jackson, 2011). Tamsilnya, gelaran “janda berhias” atau “janda si Polan” telah dilabel kepada individu yang bergelar janda, namun jarang sekali mendengar gelaran “duda berhias” atau “duda si Polan” kerana mereka lebih sinonim dengan gelaran “duda hot” (Azrinaz Mazhar, 2017). Menurut Siti Rafiah dan Sakinah (2013) menyatakan bahawa ibu tunggal/janda terpaksa menggalas tanggungjawab yang besar setelah ketiadaan suami yang pernah menjadi tempat bergantung sebelum ini. Dari segi psikologi, perkara ini telah memberi kesan negatif kepada diri mereka dan menyebabkan emosi mereka terganggu, kemurungan, hilang selera makan, sukar tidur, dan hilang keyakinan diri untuk bersosial (Dunn, 2015).

Apabila ditelusuri bidang keagamaan, menikahi janda pula merupakan salah satu jalan membawa kepada keberkatan lebih-lebih lagi niat kerana Allah SWT untuk melindungi janda daripada fitnah atau perkara buruk. Berdasarkan portal Mufti Wilayah Persekutuan (2016), berdasarkan hadis Bukhari, dari Abu Hurairah berkata, Rasulullah SAW bersabda; “orang yang berusaha menghidupi para janda dan orang miskin ibarat berjuang di jalan Allah. Dia juga ibarat berpuasa di siang hari dan menegakkan solat di malam hari”. Allah SWT juga mendatangkan rezeki yang cukup dan tidak disangka-sangka kepada individu yang memuliakan janda lebih-lebih lagi mereka mempunyai anak, ibarat menyantuni anak-anak yatim. Oleh itu, sifat lemah dan stigma negatif masyarakat yang ada pada janda serta kemuliaan yang dimiliki oleh sesiapa yang menikahi janda menyebabkan leksikal janda ini sangat signifikan untuk melambangkan ingin hidup senang dengan cara yang mudah. Oleh itu, penggunaan leksikal janda tersebut menunjukkan betapa tingginya falsafah dan akal budi masyarakat Melayu dalam penciptaan perkataan yang bersesuaian dengan penggunaan dialog filem. Unsur tersirat tersebut mampu dirungkai dengan aplikasi semantik inkuisitif.

Jadual 3: data 2 bagi perbualan/ dialog berimplisit filem Nasib Do Re Mi.

Tajuk filem	Perbualan/dialog berimplisit
Nasib Do Re Mi	<p>Do: Eh... sudahlah adakah Hang Tuah nak buat rumah di tengah-tengah hutan ni. Ini tahun berapa ni?</p> <p>Mi: Eh... jangan cakap sebarang. Ini malam apa ni?</p> <p>Do: Malam jumaat. Kenapa?</p> <p>Mi: Jumaat? Hantu.....</p> <p>Re: Tak usah takut.</p> <p>Do: Hmm, kau yang bilang jangan takut, yang kau mengeletar ni kenapa?</p> <p>Re: Demam... tak sedap badan...</p>

<p>Do: Ada kawanpun tak guna...jangan takut. Eh... setahu aku, kalau <i>rumah</i> di tengah-tengah <i>hutan</i> begini mesti ada <i>anak dara</i>, tau.</p> <p>Re: Anak dara..</p> <p>Do: Hai... dengar si anak dara, terus berhenti.</p> <p>Re: Dah kebah. He...he... kalau ada anak dara tentu ada orang masak.</p> <p>Do: Ya...ada beras.</p> <p>Re: Kitapun lapar ...nak makan tak?</p> <p>Mi: Bagus-bagus.</p> <p>Do: Mari-mari...</p> <p>Mi: Ehhh... aku tak mahu...</p> <p>Do: Kenapa ?</p> <p>Mi:Hantu.</p> <p>Do: Apa hantu ?</p> <p>MI: Malam Jumaat ni.</p> <p>Do:Bukan malam Jumaatlah malam Sabtu.</p> <p>Mi: Oh, malam Sabtu...</p>
--




Peringkat Semantik skrip

Secara harfiahnya, data di atas menunjukkan perbualan antara tiga orang sahabat iaitu Do, Re dan Mi yang menjumpai rumah ditengah-tengah hutan. Re dan Mi berasa takut kerana masyarakat Melayu suatu ketika dahulu percaya pada malam Jumaat hantu keluar berkeliaran. Do menenangkan rakan-rakannya dengan mengatakan bahawa rumah yang didirikan di tengah-tengah hutan mempunyai anak dara. Oleh itu, perasaan takut Re dan Mi hilang setelah mendengar perkataan “anak dara” seterusnya mengutarakan pendapatnya dengan mengatakan jika mempunyai anak dara pasti ada yang memasak. Oleh kerana mereka juga terlalu lapar, maka, mereka merancang untuk masuk ke dalam rumah tersebut. Makna pada peringkat ini terbatas dan perkaitan antara leksikal juga belum diketahui. Makna ini juga perlu diperhalusi dengan dua lagi peringkat analisis iaitu semantik resonans dan inkuisitif bagi mengetahui makna sebenar yang cuba diketengahkan.

Peringkat semantik resonans

Peringkat seterusnya mengemukakan [RUMAH], [HUTAN] dan [ANAK DARA] sebagai leksikal konkrit.

Jadual 4: gambaran kognitif bagi [RUMAH], [HUTAN] dan [ANAK DARA].

RUMAH	HUTAN	ANAK DARA
		
Sumber: http://www.sisehat.com/2016/05/rumah-mengenaskan-di-	Sumber: https://forestry.johor.gov.my/pe-rhutan/sumber/jenis-jenis-	Sumber: http://bdkgtah.blogspot.com/2012/08/petua-anak-dara-melayu.html

tengah-hutan.html	hutan	
Definisi: satu binaan untuk tempat tinggal. (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat)	Definisi:kawasan yang ditumbuhi pokok-pokok liar iaitu terbiar atau dikenali rimba. (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat)	Definisi: perempuan yang sudah baligh tetapi belum berkahwin, gadis, perawan. (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat)
Dialog berimplisit		

Ujaran “setahu aku, kalau rumah di tengah-tengah hutan begini mesti ada anak dara, tau” merupakan ujaran berimplisit kerana rumah, hutan dan anak dara digunakan bagi menggambarkan perbuatan mengaburi fikiran. Hal ini demikian kerana, anak dara tidak sesuai tinggal di dalam hutan kerana merupakan kawasan yang ditumbuhi pokok-pokok liar iaitu terbiar atau dikenali rimba. Hutan juga merupakan habitat semula jadi bagi haiwan liar atau jinak. Perkara ini diperoleh daripada pengetahuan sedia ada dalam diri penutur dan pendengar itu sendiri. Berdasarkan teori relevans daripada Sperber dan Wilson (1986,1995), konteks merupakan seberkas andaian untuk sampai kepada makna dihajati. Maka, konteks yang wujud adalah mempercayai kata-kata Do yang cuba mengaburi fikiran rakan-rakannya. Dalam aspek kognitif, penguatan berlaku apabila rakan-rakannya bersetuju tanpa berfikir negatif bahawa rumah di tengah-tengah hutan tersebut mempunyai anak dara. Berdasarkan persepsi pertama mereka berkenaan anak dara ialah boleh memasak. Maka, analisis ujaran tersebut tidak memerlukan usaha memproses yang tinggi dan kerelevanan ujaran tersebut adalah tinggi berdasarkan maklumat Re dan Mi mempercayai bulat-bulat kata-kata Do yang sebenarnya sekadar mengaburi minda mereka daripada takut. Hal ini terbukti apabila Do sangat masak dengan perangai rakan-rakannya yang pantang mendengar/melihat “anak dara” berdasarkan reaksi mereka kebah daripada demam. Perkara ini selaras dengan kajian Nur Amirah Che Soh dan Che Ibrahim Salleh (2014) yang menyatakan bahawa lelaki bersifat mata keranjang iaitu pantang melihat perempuan dan kaki perempuan. Sifat mata keranjang ini membawa konotatif negatif kerana merujuk kepada lelaki tidak setia, perempuan keliling pinggang dan kaki perempuan. Namun, makna pada peringkat ini masih belum memadai dan penggunaan leksikal janda masih belum terungkai dan analisis terakhir diperlukan.

Peringkat Semantik inkuisitif

Pada tahap ini timbul persoalan kenapa masyarakat zaman dahulu menggunakan leksikal rumah, hutan dan anak dara menunjukkan perbuatan mengaburi fikiran?

Kajian ini melihat kepada leksikal rumah. Sebelum kedatangan pengaruh luar, orang Melayu mempunyai sistem perumahan yang cukup canggih dan cantik. Apabila ditelusuri bidang pertukangan, reka bentuk rumah orang Melayu dahulu mempunyai pengudaraan tersendiri yang diterapkan pada permukaan lantai, atas tingkap dan bumbung. Di samping itu, rumah lama orang Melayu juga mempunyai beranda atau anjung melambangkan orang Melayu sangat mementingkan adat dan tata tertib masyarakat Melayu. Fungsi beranda atau anjung rumah merupakan tempat lelaki berehat, berbual dan berbincang atau mempelawa tetamu lelaki bagi mengelakkan fitnah, manakala wanita pula akan bersosial di dalam rumah (Mashitah Sulaiman & Mohd Nazir Ahmad, 2021). Maka, dapat dilihat orang Melayu bukan sahaja kreatif malah mempunyai makna tersirat di sebalik pembinaannya. Contohnya penciptaan beranda untuk mengaburi fikiran masyarakat bukan sekadar menunjukkan reka bentuknya yang cantik malah membawa fungsi kedua iaitu menjaga adat.

Di samping itu, mengapa leksikal hutan digunakan? Leksikal hutan juga menjelaskan bahawa orang Melayu sangat mementingkan adab, penuh dengan petua dan pantang larang terutamanya masuk ke tempat yang “keras” seperti hutan. Antara pantang larang apabila masuk ke hutan ialah dilarang memanggail nama kawan kerana dikhuatiri makhluk halus menyahut, dilarang membuang air sembarangan dan meludah dimerata tempat, elakkan menyebut binatang buas atau beracun kerana dikhuatiri akan timbul setelah disebut. Di samping itu, elakkan mengambil benda yang pelik kerana dikhuatiri makhluk halus akan berasa marah kerana menganggap barang mereka telah dicuri dan dilarang menakutkan kawan dengan muka yang hodoh kerana mereka merasa diri mereka diejek (Matzidi Dris, 2016). Pantang larang orang Melayu ini dicipta bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku khususnya di dalam hutan. Perkara ini dikaitkan dengan mengaburi fikiran mereka dengan mewujudkan adab dan pantang larang ini.

Seterusnya kenapa leksikal anak dara digunakan? Dalam bidang Sejarah iaitu pada zaman jahiliyah, wanita dipandang rendah dan menjadi pemuas nafsu serakah lelaki yang tidak bertamadun. Lebih menyedihkan lagi apabila bayi perempuan ditanam hidup-hidup oleh masyarakat Arab kerana berasa malu sekiranya isteri mereka melahirkan bayi perempuan. Perkara ini turut diceritakan di dalam al-Quran surah An-Nahl ayat 58-59 bermaksud “dan apabila seseorang dari mereka diberi khabar dengan kelahiran anak perempuan, hitam (merah padamlah) mukanya, dan dia sangat marah. Ia menyembunyikan dirinya dari orang banyak, disebabkan buruknya berita yang disampaikan kepadanya. Apakah dia akan memeliharanya dengan menanggung kehinaan ataukah akan menguburkannya ke dalam tanah (hidup-hidup)? ketahuilah, alangkah buruknya apa yang mereka tetapkan itu”. Daripada surah tersebut telah menunjukkan betapa besarnya tanggungjawab mendidik anak-anak khususnya perempuan sehingga akil baligh. Ini juga bertepatan dengan bidang keagamaan, Hadis Riwayat Bukhari, Muslim dan at-Tirmizi daripada Aisyah RA, Rasulullah SAW bersabda; “siapa yang diberati menanggung sesuatu urusan menjaga dan memelihara anak-anak perempuan, lalu ia menjaga dan memeliharanya dengan baik, nescaya mereka menjadi pelindung baginya daripada api neraka (Mohd Adlan, 2020). Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan penting untuk melengkapkan anak-anak dengan ilmu dunia dan akhirat supaya kerana ibu bapa yang berjaya mendidik anak-anak perempuannya dengan baik menjadi asbab mereka dilindung dari api neraka (Netty, 2019). Perkara ini juga dikaitkan dengan mengaburi fikiran kerana apabila menjaga anak perempuan dengan baik maka, pahalanya juga besar kerana anak perempuan setelah akil baligh sukar untuk dikawal disebabkan perasaan ingin mencuba sesuatu yang baru.

Kesimpulannya, leksikal rumah, hutan dan anak dara untuk melambangkan perbuatan mengaburi minda sangat signifikan. Hal ini demikian kerana ketiga-tiga unsur tersebut menunjukkan reka bentuk rumah lama yang mempunyai beranda yang mempunyai dua tujuan, pantang larang/adab yang perlu dipatuhi untuk kepentingan bersama serta anak dara perlu dibekalkan dengan ilmu yang secukupnya untuk kepentingan masa depan dapat dikaitkan dengan mengaburi minda seseorang. Dialog “ ada kawanpun tak guna...jangan takut. Eh...setahu aku kalau rumah di tengah-tengah hutan begini mesti ada anak dara tau” yang menggunakan leksikal rumah, hutan dan anak dara untuk menunjukkan betapa tingginya falsafah dan akal budi masyarakat Melayu dalam penciptaan perkataan yang bersesuaian dalam dialog berkenaan. Unsur tersirat tersebut mampu dirungkai dengan aplikasi semantik inkuisitif.

Kesimpulan

Tuntasnya, kedua-dua objektif kajian ini tercapai di mana pendekatan semantik inkuisitif ini menyingkap betapa tingginya, falsafah, keintelekualan dan akal budi masyarakat Melayu yang terserlah melalui perbualan filem-filem P. Ramlee tersebut. Jelaslah bahawa pengetahuan dan ilmu baharu diperoleh hasil tiga tahap analisis iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Oleh itu, pengkaji berharap lebih

ramai pengkaji mengkaji filem-filem P. Ramlee dengan meneliti dialog-dialog perbualannya dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif kerana mampu melahirkan pengkaji dan pembaca yang kreatif, inovatif dan berfikir secara kritis. Ini secara tidak langsung memperbanyakkan lagi bahan rujukan untuk pengkaji akan datang sekaligus memelihara khazanah filem-filem P. Ramlee yang malar segar ini.

Rujukan

- Abdul Kadir, F. R., & Hamzah, Z. A. Z. (2017). Ujaran implisit dalam filem Melayu klasik Sri Mersing. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 13-24. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v6.504>
- Abdullah, N. A. V., & Zainudin, I. Z. M. Aspek sosiologi filem Pendekar Bujang Lapok (1959). *Jurnal Melayu*, 487- 505.
- Al-Quran dan Terjemahannya. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.
- Alias, N., & Syuhada, I. (2021). Analisis ayat songsang dalam filem Seniman Bujang Lapok berdasarkan teori Ubah Alfa. *Jurnal Melayu*, 534-560.
- Azrinaz Mazhar (2017, October 1). Fahami cabaran, kesukaran ibu tunggal. *BeritaHarian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/10/332201/fahami-cabaran-kesukaran-ibu-tunggal>
- Choi, J.K., & Jackson, A. P. (2011). Fathers' involvement and child behavior problem in poor African American single-mother families. *Children & Youth Services Riview*, 33(5), 698-704.
- Dunn, C. R. (2015). *Young widows' grief: A study of personal and contextual factors associated with conjugal loss*. Utah State University.
- Hakim, A. M. (2017, October 1). Fahami cabaran, kesukaran ibu tunggal. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/10/332201/fahami-cabaran-kesukaran-ibu-tunggal>
- Halidi, R., & Bahtiar, A. R. (2021, August 16). Hilangi stigma, ini 5 keutamaan menikahi janda dalam Islam. *Suara.com*. <https://www.suara.com/lifestyle/2021/08/16/202500/hilangi-stigma-ini-5-keutamaan-menikahi-janda-dalam-islam>
- Hedel, N. E. F., & Subet, M. F. (2021). Genre perbualan aneh dalam Hikayat Nakhoda Muda: Analisis semantik inkuisitif. *LSP International Journal*, 8(1), 1-18. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.2.193>
- Idid, S. A. (1992). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, R. (2016). *Metodologi penyelidikan teori dan praktis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Iqbal, M. (2022, June, 06). Jenis apa yang terdapat di Malaysia? Kenali lapisan pokok dalam belantara kita. *Siakap Keli*. <https://siakapkelimyl.com/2022/06/06/hutan-jenis-apa-yang-terdapat-di-malaysia-kenali-empat-lapisan-pokok-dalam-belantara-kita/>
- Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dalam akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Jeffrey, R. D. A., & Subet, M. F. (2018). Unsur alam dalam peribahasa iban (jaku'sempama): satu analisis semantik inkuisitif (elements of nature in Iban proverbs (jaku'sempama): an inquisitive semantics analysis). *trends in undergraduate research*, 1(1), 10-15.

- Jonteng, S. E., Yahya, Y., Salleh, S. F., Abdullah, N. A., & Subet, M. F. (2021). Imej perlambangan 'tangan' dalam simpulan bahasa melayu: analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 108-131.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liamputtong, P. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- Murthy, T., & Subet, M. F. (2020). Gajah dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 134-146.
- Murthy, T., & Subet, M. F. (2018a). Imej Rumput dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 7(1).
- Murthy, T., & Subet, M. F. (2018b). Imej Tebu dalam Peribahasa Tamil: Analisis Semantik Inkuisitif (Sugar Cane images in Tamil Proverbs: A Semantic Inquisitive analysis). *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), 24-29.
- Murthy, T., & Subet, M. F. (2019). Imej Katak dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal*, 4 (1), 31-41.
- Matzaidi Dris (2016, Januari 10). Adab masuk hutan, setiap tempat ada "pemilik dan tuannya". *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/01/112716/adab-masuk-hutan-setiap-tempat-ada-pemilik-dan-tuannya>
- Mashitah Sulaiman & Mohd Nazir Ahmad (2021). Cabaran kesinambungan warisan seni bina rumah tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia: Solusi ke arah memartabatkan seni budaya warisan ketamadunan Melayu.
- Mohd Adlan (2020, March 10). Kelebihan anak perempuan. *Harakahdaily*. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/03/10/kelebihan-anak-perempuan/>
- Netty (2019, October 22). Rupanya anak perempuan, boleh jadi asbab mak ayah masuk syurga. *Mingguanwanita*. <https://www.mingguanwanita.my/rupanya-anak-perempuan-boleh-jadi-asbab-mak-ayah-masuk-syurga/>
- Noor, U. M. M. (2016, October 21). Irsyad Al-Hadith Siri Ke-119: Kelebihan dan ancaman bagi penjaga anak yatim. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/1093-irsyad-al-hadith-siri-ke-119-kelebihan-dan-ancaman-bagi-penjaga-anak-yatim>
- Nor Hafizah Abdullah (2016). Keagungan filem P. Ramlee di Malaysia: Perspektif antara generasi. *Evaluating student teachers' efficacy*, 2, 131.
- nostalgiaWARNA. (2020, December 12). *Laksamana Do Re Mi-Pramlee (versi warna)*. [Video]. Youtube. <https://www.youtube.com/watch?v=NnVoVq36EAY>
- Pillai, S. P. K. (2017). Gerimis: Penggunaan filem Tan Sri P. Ramlee sebagai kajian kes dalam Kursus Komunikasi Antara Budaya di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). *Al-Hikmah*, 9(1), 128-140.
- Roslan, M. R. (2021, November 5). Rumah atau kereta, mana lebih penting?. *Kosmo.com*. <https://www.kosmo.com.my/2021/11/05/rumah-atau-kereta-mana-lebih-penting/>
- Salleh, N. H. M. (2019, January 19). Hutan lipur penjana ekonomi masyarakat setempat. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2019/01/520951/hutan-lipur-penjana-ekonomi-masyarakat-setempat>
- Shek, S. S. Z. & D, Z. A. M. (2020). Komposisi Tari Melayu dalam filem P. Ramlee Sumpah Orang Minyak (1958): Analisis terhadap tarian Tudung Periuk. *Journal Gendang Alam (GA)*, 10, 20-34.
- Siti Rafiah, A.H., & Sakinah, S. (2013). Exploring single parenting process in Malaysia: Issues and coping strategies. *Procedia Social and Behavioral Science*, 84,1154-1159.

- Soh, N. A. C., & Salleh, C. I. Keindahan Bahasa dalam Lirik Lagu P. Ramlee. *Iman*, 103.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Oxford: Blackwell.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1995). *Postface relevance: Communication and cognition*. Oxford: Blackwell.
- Syed Arabi Idid. (1992). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Azmy, S. N. M. (2018). Bahasa dan implikatur: Tinjauan berdasarkan dialog filem Puteri Gunung Ledang, *Dialog Kajian Melayu Kontemporari* (pp. 39-56). Penerbit UniSZA.
- Tramizi Hussin (2021, Mei 8). 5 Rumah Melayu tradisional yang boleh dijadikan lampiran!". *PropertyGuru*. <https://www.propertyguru.com.my/bm/panduan-hartanah/inspirasi-rumah-melayu-tradisional-40051>
- Umar Mukhtar Mohd Nor (2016, October 21). Kelebihan dan ancaman bagi penjaga anak yatim. Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/1093-irsyad-al-hadith-siri-ke-119kelebihan-dan-ancaman-bagi-penjaga-anak-yatim>
- Wahid, A. (2021, March 25). Benarkah dosa anak ditanggung bapa? Ini penjelasannya. *Utusan TV*. <https://utusanv.com/2021/03/25/benarkah-dosa-anak-ditanggung-bapa-ini-penjasannya/>
- Wiramanja & Hanafiah, A. R. A. (2006). Skrip Nasib Do Re Mi. *National Film Development Corporation Malaysia (FINAS)*. https://www.academia.edu/35837638/Skrip_Filem_Nasib_Do_Re_Mi
- Wiramanja & Hanafiah, A. R. A. (2006). Skrip Pendekar Bujang Lapok. *National Film Development Corporation Malaysia (FINAS)*. https://www.academia.edu/35373567/Skrip_Filem_Pendekar_Bujang_Lapok
- Wiramanja & Hanafiah, A. R. A. (2006). Skrip Ali Baba Bujang Lapok. *National Film Development Corporation Malaysia (FINAS)*. https://www.academia.edu/35805425/Skrip_Filem_Ali_Baba_Bujang_Lapok
- Wiramanja & Hanafiah, A. R. A. (2006). Skrip Tiga Abdul. *National Film Development Corporation Malaysia (FINAS)*. https://www.academia.edu/35805425/Skrip_Tiga%20Abdul
- Wiramanja & Hanafiah, A. R. A. (2006). Skrip Seniman Bujang Lapok. *National Film Development Corporation Malaysia (FINAS)*. https://www.academia.edu/35805425/Skrip_Seniman%20Bujang%20Lapok
- Wong, S. H. (2020). Gambaran kemewahan melalui perlambangan dalam lirik lagu Hokkien "Ji Pa Ban": Analisis semantik inkuisitif. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(1), 98-114.
- Wong, S. H., & Jalaluddin, N. H. (2019). Bahasa kiasan dalam lagu "Mati Hidup Semula": Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 231-258
- Zahalan, N, M, H. (2021, June 14). Anak jika dilahirkan perempuan zaman jahiliah akan dibunuh namun Allah angkat martabat mereka... wanita perlu jaga maruah dan mempunyai 3 sifat ini. *Mstar*. <https://www.mstar.com.my/xpose/ad-din/2021/06/14/anak-jika-dilahirkan-perempuan-zaman-jahiliah-akan-dibunuh-namun-allah-angkat-martabat-mereka-wanita-perlu-jaga-maruah-dan-punyai-3-sifat-ini>
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). Memahami Pertuturan Kanak-Kanak Melalui Analisis Pragmatik. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zakaria, S. & Jalaluddin, N. H. (2016). Konsep ruang dalam Anggun Cik Tunggal: Analisis semantik inkuisitif. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(3), 186-204.
- Zakaria, S. & Jalaluddin, N. H. (2015). Konsep ruang melalui flora dalam cerita Anggun Cik Tunggal: Analisis semantik inkuisitif. *Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK 2015)*, 374-381.

Lampiran

Jadual 5: Data perbualan berimplisit bagi 5 filem yang dipilih

Tajuk filem	Perbualan berimplisit
Nasib Do Re Mi	<p>Doktor: Sekarang awak dah sihat, jadi awak boleh keluar.</p> <p>Do: Keluar.tuan doktor, sebenarnya kita tak mahu keluar tuan doktor. Kita nak tinggal di sini sampai mati.</p> <p>Doktor: Sampai mati? Sebab?</p> <p>Re: Errr....sebab di sini makanpun ada, tempat tidur ada orang kemas, tuan doktorpun baik.</p> <p>Do/Re/mi: He...he...he...he...</p> <p>Mi: Nurse sinipun cantik-cantik, muda-muda, baik dijaga kami. Jadi kami tiga orang ni dah lama <i>janda</i>. Bagilah can kami <i>berbini</i>, tuan doktor.</p> <p>Do/re/mi:He...he...he...</p> <p>Doktor:Tapi kamu mesti tahu di rumah sakit ni hanya untuk orang sakit.</p> <p>Do/re/mi: Orang-orang yang sakit doktor ya?</p> <p>Do:Orang tak sakit tak boleh, tuan doktor?</p> <p>Doktor: Tak sakit...tak boleh...</p>
	<p>Do: Eh... sudahlah adakah Hang Tuah nak buat rumah di tengah-tengah hutan ni. Ini tahun berapa ni?</p> <p>Mi: Eh... jangan cakap sebarang. Ini malam apa ni?</p> <p>Do: Malam jumaat. Kenapa?</p> <p>Mi: Jumaat? Hantu.....</p> <p>Re: Tak usah takut.</p> <p>Do: Hmm, kau yang bilang jangan takut, yang kau mengeletar ni kenapa?</p> <p>Re: Demam... tak sedap badan...</p> <p>Do: Ada kawanpun tak guna...jangan takut. Eh... setahu aku, kalau <i>rumah</i> di tengah-tengah <i>hutan</i> begini mesti ada <i>anak dara</i>, tau.</p> <p>Re: Anak dara..</p> <p>Do: Hai... dengar si anak dara, terus berhenti.</p> <p>Re: Dah kebah. He...he... kalau ada anak dara tentu ada orang masak.</p> <p>Do: Ya...ada beras.</p> <p>Re: Kitapun lapar ...nak makan tak?</p> <p>Mi: Bagus-bagus.</p>

	<p>Do: Mari-mari...</p> <p>Mi: Ehhh... aku tak mahu...</p> <p>Do: Kenapa ?</p> <p>Mi: Hantu.</p> <p>Do: Apa hantu ?</p> <p>MI: Malam Jumaat ni.</p> <p>Do: Bukan malam Jumaatlah malam Sabtu.</p> <p>Mi: Oh, malam Sabtu...</p>
Tiga Abdul	<p>Abdul Wahab: Ah, saudara-saudari sekalian! Sekarang saya nak bagi satu teka-teki. Di atas langit, di bawah bumi, apa di tengah-tengahnya? Saudari?</p> <p>Gadis I: Bulan.</p> <p>Abdul Wahab: Bulan! Pasal saudari cantik macam bulan bukan? Dah ingatkan bulan aje. Tak betul. Saudari?</p> <p>Gadis II: Angin.</p> <p>Abdul Wahab: Eh! Kenapa pulak angin? Satu badan angin... eh! Salah! Saudari?</p> <p>Gadis III: Hujan.</p> <p>Abdul Wahab: Hujan? Hai...Mentang-mentanglah musim hujan, asyik ingat hujan aje. Salah tu. Yang betulnya, <i>tiga titik</i>.</p> <p>Semua gadis: Wah!!!</p>
	<p>Abdul Wahib: Ah! manisku Rafidah Segaraga.Ah, sudah lama kita tak berjumpa.</p> <p>Rafidah: Kanda Abdul Wahib.</p> <p>Abdul Wahib: Hmm!</p> <p>Rafidah: Sejak pertemuan kita di malam itu, adinda sedikitpun tak dapat tidur, asyik teringat kanda saja.</p> <p>Abdul Wahib: Aiii, kandapun lebih dahsyat dinda. Makan tak kenyang, <i>tidur tak basah, mandi tak lena</i>, pendek kata dalam seminggu dua ni, macam kapal nak masuk Dok.</p> <p>Rafidah: Alah, kanda boraklah. Takkanlah kanda ingat pada dinda.</p>
Pendekar Bujang Lapok	<p>Kemat: bila jatuh dia nak bangun ni, bila dia bangun dia nak lawan pulak. Apa lagi aku tak kasi <i>chance</i> la. Aku pun tumbuk muka dia.</p> <p>Wak Mustar: Pakcik elak. Sekali pakcik tepis kakinya. Kedebab... dia jatuh.</p> <p>Kemat: Macam nangka da aku kena. Sekali Rapi datang terkam, Rapi masuk terajang Siam...pulang.</p>

	<p>Wak Mustar: Pakcik keluar Kunci Kelantan. Dia tersepit. Satu kali pakcik syabat kepalanya, ting... Berpusing.</p> <p>Kemat: macam gasing da... Rapi kena. Sekali aku dapatkan chance, aku gigit telinganya.</p> <p>Wak Mustar: aduh! Pakcik menjerit.</p> <p>Kemat: sekali kami tangkap macam rimau.</p> <p>Wak Mustar: <i>Pakcik tendang macam tikus.</i></p> <p>Ramli/Aziz/Sudin: ikh...ikh...ikh... Apa jadi pakcik?</p> <p>Wak Mustar: Dia pengsan</p>
	<p>Wak Mustar: Dulu kerja apa nak?</p> <p>Ramli: Ooo... kerja kita bukan main teruk Pakcik.</p> <p>Sudin: Siang malam tak dapat tidur...</p> <p>Azizi: E...ya.. Pakcik...</p> <p>Wak Mustar: Kerja apa tu nak Ramli?</p> <p>Ramli: <i>Kira bulu kambing...</i></p> <p>Wak Mustar: Ikh...ikh...ikh... tak terkira itu nak... Aziz?</p> <p>Aziz: Kerja saya berat sekali pakcik saing malam tak boleh baring...</p> <p>Wak Mustar: Apa tu kerja?</p> <p>Aziz: Kerjanya <i>menunggu ayam jantan bertelur</i> pakcik..</p> <p>Wak Mustar: Ikh...ikh...ikh.. Berapa lama nak menunggu?</p> <p>Aziz: Entahlah pakcik...</p> <p>Wak Mustar: Sudin?</p> <p>Sudin: Ooo.. Kerja saya merbahaya pakcik, saing malam berjaga-jaga sahaja...</p> <p>Wak Mustar: Kerja apa?</p> <p>Sudin: Kerja <i>sambung ekor beruang...</i></p> <p>Wak Mustar: Ikh..ikh..ikh salah salah beruang tu ngap...</p> <p>Sudin: Kalau dia ngap...saya tinggal ngep</p>
<p>Seniman Bujang Lapok</p>	<p>Ramli: Hmm, Cik Salmah malam ini kita boleh jumpa tak di bawah pokok?</p> <p>Salmah: Tengoklah!</p> <p>Ramli: Tengok ya?</p> <p>Aziz: Hoi, Ramli, nak cari kerja ke, nak <i>jual minyak?</i></p> <p>Sudin: Minyak apa?</p> <p>Aziz: Minyak urat</p>

	<p>Ramli: Cik Salmah, hmm, malam ni kalau tak... bolehpun bikinlah sampai boleh, ya?</p> <p>Kus: Peduli apa gaduh? Hoi, kau fikir bilik ini bapak kau bayar sewa ka?</p> <p>Aziz: Bilik ini pun bukan bapak kau bayarlah! Tapi timbang rasa sikitlah. Sama jiran sebelah-menyebelah.</p> <p>Kus: Kalau kau tak mahu bising-bising kau pindahlah <i>belakang hospital</i>.</p> <p>Sudin: Allah!</p>
<p>Ali Baba Bujang Lapok</p>	<p>Penjual sayur: Assalamualaikum! cik siti mau beli apa?</p> <p>Marjina: Saya mau beli <i>belacan</i>...</p> <p>Penjual sayur: Syissss! Jangan cakap kuat-kuat. Nanti polis tangkap sama saya.</p> <p>Mardina: jual belacan pun polis tangkap.</p> <p>Penjual sayur: Benar cik siti. Jual <i>candu</i> ada lesen. Jual <i>ganja</i> ada lesen. Tetapi jual belacan tak ada lesen. Saya <i>semungglar</i> dari Malaya.</p> <p>Marjina: Hmm...</p> <p>Penjual sayur: Cik siti mau berapa bungkus.</p> <p>Marjina: satu!</p> <p>Penjual sayur: syyyyssss!</p> <hr/> <p>Ali Baba: Sudahlah kanda, janganlah menangis. Kanda bukan tak tahu sudah berapa tahun saya tak nangis. hu...hu...hu... Norsiah, bawaklah Mayat ni ke atas.</p> <p>Ali baba: Pelan-pelan.(2x) marjina! Marjina! marjina, kanda kassim baba sudah mati. Sekarang kau pergi cari tukang jahit. Untuk <i>jahit mayat</i> Kassim Baba. Lekas! kalau dia tidak mau, berikan wang ini. Lekas.</p> <p>Marjina: Baik, tuan</p>